



**BENKEL MOTOSIKAL AZHAR**  
1P046817-D  
USAHAWAN BUMBINGAN  
MAI  
No. 47, Kampung Batu 8, Jalan Tanjung Tualang, 31000 Batu Gajah, Perak. TEL: 016-3362 9123

AZHAR menunjukkan bengkel miliknya di Tanjung Tualang.

# ANDA BOLEH 'PINJAM' MATA

■ Mekanik buta nasihat insan sempurna manfaatkan peluang kerja keras cari rezeki

**Razif Rosli**  
am@hmetro.com.my

**Batu Gajah**

Mengenali Azhar Ibrahim, 33, pasti memberi inspirasi kepada masyarakat sekitar untuk berusaha lebih kuat sehingga mencapai impian diidamkan.

Sekiranya Azhar yang berstatus orang kurang upaya (OKU) kerana cacat peng-

lihatan boleh berjaya, apa halangan bagi mereka yang dilahirkan sempurna dan sihat.

Ada dalam kalangan masyarakat melabelkan istilah OKU sebagai 'orang kuat usaha' berikutan sikap golongan berkenaan yang tidak kenal erti putus asa.

Berteraskan falsafah itu, Azhar yang mengalami pelbagai cabaran membuktikan dia mampu melakukan kerja seperti insan normal lain.

Azhar ketika ditemui di bengkelnya berkata, di usia muda perlu memanfaatkan peluang dan bekerja keras mencari rezeki.

"Macam saya tidak boleh melihat dan hanya tahu menjadi mekanik. Jika diberi peluang melihat pasti saya gunakan sebaik mungkin.

"Bukan niat nak kata saya ni bagus, namun andainya saya boleh 'pinjam' mata mereka, saya sanggup bayar bulan-bulan untuk membuat pelbagai kerja," katanya dengan nada bergurau.

Azhar menasihatkan agar tidak terlalu memilih dan realistik dalam mencari pekerjaan bagi mengelak mereka dibelenggu pengangguran.

"Jangan memilih kerja kerana apa sahaja kerja diceburi pasti membolehkan kita menimba pengalaman sementara mencari peluang mendapatkan kerja lebih baik," kata Azhar yang mendapat bantuan dan perhatian Institut Automatif Malaysia (MAI) bagi menaik taraf bengkel miliknya yang terletak di Tanjung Tualang, dekat sini sebanyak RM13,000 tahun lalu.

Apa yang menariknya, Azhar 'mampu' mengetahui kerosakan motosikal dengan hanya mendengar deruman enjin sahaja.

Menurut Azhar sebelum mendapat bantuan daripada pihak berkenaan, bengkelnya terletak di bawah rumah, namun sekarang halaman bersimen, malah dipasang jeriji besi serta papan tanda perniagaan.

"Jika saya nak buat memang tak mampu. Saya berterima kasih kepada MAI kerana turut melihat orang kampung macam saya serta menyokong usaha yang saya lakukan ini," katanya yang membaiki ratusan motosikal sejak bengkelnya dibuka sekitar tahun 2011.

Seorang pelanggannya, Shahrani Tan, 64, mengenali Azhar sejak 20 tahun lalu turut memuji hasil kerja dilakukannya Azhar setanding mekanik normal lain walaupun tidak mampu melihat.

"Memang dia tak mampu melihat secara normal seperti kita, tetapi hatinya 'terang' dan itu kelebihan yang diberikan Tuhan," katanya.

**“Saya sanggup bayar bulan-bulan ‘pinjam’ mata untuk buat pelbagai kerja Azhar”**